



1 Mac 2018
1 March 2018
P.U. (A) 67

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PESURUHJAYA SUMPAAH 2018

COMMISSIONERS FOR OATHS RULES 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964
KAEDAH-KAEDAH PESURUHJAYA SUMPAH 2018

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II
KELAYAKAN

2. Kelayakan
3. Orang yang layak

BAHAGIAN III
PERMOHONAN, PELANTIKAN, DSB.

4. Permohonan bagi pelantikan sebagai Pesuruhjaya Sumpah
5. Pelantikan Pesuruhjaya Sumpah
6. Pelantikan semula Pesuruhjaya Sumpah
7. Tempoh pelantikan dan pelantikan semula Pesuruhjaya Sumpah
8. Fi pelantikan dan pelantikan semula Pesuruhjaya Sumpah

BAHAGIAN IV

KUASA

Kaedah

9. Peguam bela dan peguam cara
10. Pegawai awam, dsb.

BAHAGIAN V

KELAKUAN DAN FUNGSI

11. Kelakuan dan fungsi Pesuruhjaya Sumpah

BAHAGIAN VI

METERAI DAN NOMBOR PENGENALAN DIRI

12. Meterai dan nombor pengenalan diri
13. Bukti sumpah

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

14. Buku daftar
15. Alamat perkhidmatan
16. Surat pelantikan, dsb., hendaklah dipamerkan
17. Fi yang dilevikan

BAHAGIAN VIII

KUASA PEMERIKSAAN

18. Kuasa pemeriksaan

BAHAGIAN IX
PEMBATALAN PELANTIKAN

Kaedah

19. Pembatalan pelantikan

BAHAGIAN X
PENALTI, DSB.

20. Penalti

21. Kecualian

22. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

KAEDAH-KAEDAH PESURUHJAYA SUMPAAH 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*], Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2018.

BAHAGIAN II

KELAYAKAN

Kelayakan

2. Seseorang itu layak dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah jika dia—

(a) seorang warganegara Malaysia;

(b) mempunyai kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setara dengannya;

(c) telah mencapai umur dua puluh satu tahun tetapi belum mencapai umur enam puluh enam tahun;

(d) seorang yang berkelakuan baik;

- (e) fasih dalam bahasa kebangsaan;
- (f) sihat dari segi fizikal dan mental;
- (g) tidak pernah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
- (h) tidak pernah ditahan di bawah mana-mana undang-undang pencegahan; dan
- (i) tidak pernah diisytiharkan bankrap.

Orang yang layak

3. (1) Tertakluk kepada kaedah 2, mana-mana orang yang berikut layak dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah:

- (a) seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi di Malaya atau Mahkamah Tinggi di Sabah atau Sarawak yang telah menjalankan amalan selama tujuh tahun;
- (b) seorang pegawai awam yang disahkan dalam jawatannya;
- (c) seorang pegawai badan berkanun; atau
- (d) seorang yang daripada pengalamannya yang lepas, sebagai pegawai awam atau selainnya adalah disifatkan sebagai orang yang layak dan sesuai untuk dilantik.

(2) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan boleh, mengubah suai perenggan 2(b) dan (c), dan menimbangkan permohonan di bawah perenggan 2(e) berkenaan dengan mana-mana orang yang bermastautin di Sabah atau Sarawak.

BAHAGIAN III
PERMOHONAN, PELANTIKAN, DSB.

Permohonan bagi pelantikan sebagai Pesuruhjaya Sumpah

4. (1) Suatu permohonan bagi pelantikan sebagai Pesuruhjaya Sumpah hendaklah dibuat dengan mengemukakan permohonan dalam Borang 1 Jadual Ketiga bagi peguam bela dan peguam cara, Borang 2 Jadual Ketiga bagi pegawai awam, Borang 3 Jadual Ketiga bagi pegawai badan berkanun dan Borang 4 Jadual Ketiga bagi mana-mana orang lain.

(2) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, setelah menerima borang di bawah subkaedah (1), hendaklah—

(a) menerima permohonan itu dan mengarahkan pemohon bagi menduduki apa-apa peperiksaan sebagaimana yang difikirkannya patut; atau

(b) menolak permohonan itu dan memaklumkan keputusannya secara bertulis kepada pemohon itu.

(3) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan boleh mengarahkan mana-mana pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat tambahan berkenaan dengan permohonan itu kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

(4) Mana-mana pemohon yang lulus peperiksaan dalam subperenggan (2)(a) hendaklah menghadiri temuduga yang dikendalikan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan atau mana-mana pegawai kehakiman yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan bagi maksud itu.

(5) Jika temuduga itu dikendalikan oleh pegawai kehakiman, selepas selesai temuduga itu, pegawai kehakiman itu hendaklah menyediakan suatu laporan dan mengemukakan laporan itu kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan yang

hendaklah mengesyorkan kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan sama ada pemohon itu layak dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah atau tidak.

(6) Jika temuduga dikendalikan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, selepas selesai temuduga itu, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan hendaklah mengesyorkan kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan sama ada pemohon itu layak dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah atau tidak.

Pelantikan Pesuruhjaya Sumpah

5. (1) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, setelah menerima syor dalam subkaedah 4(5) atau (6), boleh meluluskan suatu permohonan dan melantik seseorang sebagai Pesuruhjaya Sumpah tertakluk kepada apa-apa syarat atau batasan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Surat cara pelantikan Pesuruhjaya Sumpah hendaklah dalam Borang 5 Jadual Ketiga.

(3) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan permohonan yang ditolak itu boleh dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan surat penolakan membuat rayuan kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

(4) Apa-apa keputusan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan berhubung dengan rayuan itu adalah muktamad.

Pelantikan semula Pesuruhjaya Sumpah

6. (1) Suatu permohonan bagi pelantikan semula sebagai Pesuruhjaya Sumpah hendaklah dibuat dengan mengemukakan permohonan dalam Borang 6 Jadual Ketiga dan dengan menghadiri temuduga yang akan ditetapkan, sekiranya diarahkan oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

(2) Permohonan bagi pelantikan semula di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat tidak kurang daripada tiga bulan sebelum tamatnya tempoh pelantikan semasa

dan kegagalan untuk mematuhi peruntukan ini akan menyebabkan permohonan bagi pelantikan semula itu ditolak.

(3) Jika temuduga bagi pelantikan semula dikendalikan oleh pegawai kehakiman, selepas selesai temuduga itu, suatu laporan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan yang kemudiannya akan membuat syor kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

(4) Jika temuduga dikendalikan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, selepas selesai temuduga itu, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan hendaklah mengesyorkan kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan sama ada pemohon itu layak dilantik semula sebagai Pesuruhjaya Sumpah atau tidak.

(5) Jika permohonan bagi pelantikan semula diluluskan, pemohon hendaklah mematuhi apa-apa syarat atau batasan yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

(6) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan permohonan yang ditolak itu boleh dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan surat penolakan membuat rayuan kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

(7) Apa-apa keputusan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan berhubung dengan rayuan itu adalah muktamad.

Tempoh pelantikan dan pelantikan semula Pesuruhjaya Sumpah

7. Tempoh pelantikan dan pelantikan semula seseorang Pesuruhjaya Sumpah adalah tidak melebihi tiga tahun.

Fi pelantikan dan pelantikan semula Pesuruhjaya Sumpah

8. (1) Fi bagi pelantikan dan pelantikan semula seseorang Pesuruhjaya Sumpah hendaklah dalam Jadual Pertama.

(2) Fi yang dibayar di bawah subkaedah (1) tidak boleh dibayar balik dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

BAHAGIAN IV

KUASA

Peguam bela dan peguam cara

9. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat atau batasan yang dinyatakan dalam pelantikannya, kuasa seseorang peguam bela dan peguam cara yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah adalah seperti yang berikut:

- (a) menerima akuterimaan perempuan bersuami dalam semua hal jika akuterimaan dikehendaki oleh undang-undang supaya diambil di hadapan seorang pegawai awam;
- (b) menerima akuterimaan ikatan jaminan dan bon jaminan;
- (c) mengendalikan sumpah untuk—
 - (i) justifikasi jaminan;
 - (ii) mengambil apa-apa affidavit atau ikrar;
 - (iii) menerima dan mengambil jawapan, rayuan, demurer, penolak tuntutan, pengataan atau pemeriksaan mana-mana pihak atau pihak-pihak dalam apa-apa tindakan;
 - (iv) pemeriksaan mana-mana saksi atas apa-apa soal siasat atau *de bene esse* atau pemeriksaan utama atau pada mana-mana keadaan lain;
 - (v) sumpah wasi dan pentadbir; dan

- (vi) mana-mana orang dalam apa-apa tindakan, perkara atau prosiding yang menunggu penyelesaian atau hampir hendak dimulakan dalam mana-mana mahkamah; dan

(d) mengambil dan menerima akuan berkanun.

(2) Subkaedah 9(1) tidak terpakai kepada mana-mana dokumen yang disediakan oleh peguam bela dan peguam cara dan oleh mana-mana orang lain yang terlibat dalam mana-mana prosiding mahkamah yang diwakili peguam bela dan peguam cara atau firma peguam bela dan peguam cara itu.

Pegawai awam, dsb.

10. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat atau batasan yang dinyatakan dalam pelantikannya, kuasa seseorang pegawai awam, pegawai badan berkanun atau mana-mana orang lain yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah adalah seperti yang berikut:

(a) mengendalikan sumpah untuk—

(i) justifikasi jaminan;

(ii) mengambil apa-apa affidavit atau ikrar;

(iii) sumpah wasi dan pentadbir; dan

(iv) mana-mana orang dalam apa-apa tindakan, perkara atau prosiding yang menunggu penyelesaian atau hampir hendak dimulakan dalam mana-mana mahkamah; dan

(b) mengambil dan menerima akuan berkanun.

(2) Subkaedah 10(1) tidak terpakai kepada apa-apa dokumen yang disediakan oleh pegawai awam, pegawai badan berkanun atau mana-mana orang lain.

BAHAGIAN V
KELAKUAN DAN FUNGSI

Kelakuan dan fungsi Pesuruhjaya Sumpah

11. (1) Seseorang Pesuruhjaya Sumpah, semasa melaksanakan fungsinya, hendaklah sentiasa menyematkan tanda pengenalan diri sebagaimana dalam Borang 7 Jadual Ketiga pada atas sebelah kiri pakaiannya.

(2) Semasa melaksanakan fungsinya, seseorang Pesuruhjaya Sumpah hendaklah melayan sendiri mana-mana orang yang menghendaki perkhidmatannya, dan hendaklah—

- (a) menentusahkan identiti, butir-butir peribadi sebagaimana yang diberikan dalam kad pengenalan, pasport atau dokumen pengenalan rasmi lain dan alamat orang yang membuat akuan, ikrar, affidavit, sumpah atau pernyataan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah;
- (b) membacakan dan menerangkan kandungan dokumen dan ekshibit yang dikepilkan bersama dokumen itu, jika deponen atau pembuat dokumen itu seorang yang buta, buta huruf atau tidak memahami bahasa yang tertulis dalam dokumen itu, sebelum Pesuruhjaya Sumpah itu memperakui bahawa dia telah berbuat sedemikian sebagaimana dalam jurat;
- (c) menandatangani ringkas, mengecapkan cop meterai kecil dan memastikan deponen menandatangani ringkas apa-apa perubahan yang dibuat dalam dokumen yang hendak diberikan sumpah atau diikrarkan;
- (d) tidak mengecapkan meterainya pada mana-mana dokumen melainkan jika deponen atau pembuat dokumen telah menandatangani atau mengecapkan cap jarinya pada dokumen itu di hadapannya;

- (e) enggan memberikan perkhidmatannya apabila Pesuruhjaya Sumpah itu mempunyai sebab yang boleh dipercayai untuk mengesyaki bahawa mana-mana orang di hadapannya adalah terlibat dalam perdayaan, fraud, duress, atau apa-apa kelakuan lain yang menyalahi undang-undang;
- (f) menjalankan semua fungsi jawatannya dengan segera, munasabah, cekap dan berintegriti; dan
- (g) bersedia menjalankan semua fungsi jawatannya pada waktu yang tetap dan munasabah.

(3) Bagi maksud kaedah ini, jurat hendaklah dalam Borang 8 Jadual Ketiga dan cop meterai kecil hendaklah dalam Borang 9 Jadual Ketiga.

BAHAGIAN VI METERAI DAN NOMBOR PENGENALAN DIRI

Meterai dan nombor pengenalan diri

12. (1) Tiap-tiap Pesuruhjaya Sumpah hendaklah mempunyai suatu meterai seperti yang berikut:

- (a) meterai dalam Borang 10 Jadual Ketiga bagi peguam bela dan peguam cara;
- (b) meterai dalam Borang 11 Jadual Ketiga bagi pegawai awam dan pegawai badan berkanun; atau
- (c) meterai dalam Borang 12 Jadual Ketiga bagi mana-mana orang lain.

(2) Bagi maksud kaedah ini, nombor pengenalan diri Pesuruhjaya Sumpah adalah nombor yang dinyatakan dalam surat pelantikannya.

Bukti sumpah

13. Tiada sumpah boleh disifatkan telah dikendalikan dengan sempurna melainkan jika deponen telah menurunkan tandatangan atau cap jari, meterai Pesuruhjaya Sumpah telah dicapkan pada, dan Pesuruhjaya Sumpah telah menandatangani dokumen, termasuk ikrar,akuan, akuterimaan, affidavit, surat ikatan atau surat cara lain yang berkenaan dengannya sumpah itu dikendalikan.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Buku daftar

14. (1) Seseorang Pesuruhjaya Sumpah hendaklah menyenggara buku daftar yang dalamnya hendaklah direkodkan butir perkhidmatan yang telah diberikannya termasuk dokumen, ikrar,akuan, akuterimaan, affidavit, surat ikatan atau surat cara lain yang padanya Pesuruhjaya Sumpah itu telah meletakkan meterainya.

(2) Buku daftar itu hendaklah dalam Borang 13 Jadual Ketiga dan boleh termasuk buku daftar secara elektronik.

(3) Buku daftar hendaklah disimpan dengan selamat di tempat di mana Pesuruhjaya Sumpah itu menjalankan perkhidmatannya.

(4) Seseorang Pesuruhjaya Sumpah hendaklah mengemukakan buku daftar pada bila-bila masa sebagaimana dikehendaki oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

Alamat perkhidmatan

15. (1) Tertakluk kepada kelulusan daripada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, tiada Pesuruhjaya Sumpah boleh—

(a) menukar alamat perkhidmatan; atau

(b) menjalankan perkhidmatan di luar alamat perkhidmatan.

(2) Setiap permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

Surat pelantikan, dsb., hendaklah dipamerkan

16. Seseorang Pesuruhjaya Sumpah yang bukan pegawai awam hendaklah mempamerkan di tempat perkhidmatannya, dengan cara yang jelas dan zahir—

- (a) suatu salinan surat pelantikannya;
- (b) salinan peruntukan kaedah 9 atau 10, mana-mana yang berkenaan, dan kaedah 11;
- (c) papan nama berukuran 40 sentimeter X 50 sentimeter yang mempamerkan nama, nombor pengenalan diri, alamat perkhidmatan dan waktu operasi perkhidmatan sebagaimana dalam Borang 14 Jadual Ketiga; dan
- (d) papan tanda berukuran 75 sentimeter X 100 sentimeter yang mempamerkan fi yang dilevikan di bawah kaedah 17 sebagaimana dalam Borang 15 Jadual Ketiga.

Fi yang dilevikan

17. Fi yang dikenakan oleh mana-mana Pesuruhjaya Sumpah hendaklah dikutip dan disimpan sebagaimana dalam Jadual Kedua.

BAHAGIAN VIII
KUASA PEMERIKSAAN

Kuasa pemeriksaan

18. (1) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan boleh melantik mana-mana pegawai kehakiman untuk memeriksa premis dan buku daftar yang disimpan oleh

seseorang Pesuruhjaya Sumpah pada bila-bila masa dalam masa perkhidmatan Pesuruhjaya Sumpah itu.

(2) Seseorang pegawai kehakiman yang menjalankan pemeriksaan di bawah subkaedah 18(1) hendaklah mengemukakan suatu laporan sebagaimana dalam Borang 16 Jadual Ketiga kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dalam masa tujuh hari dari tarikh pemeriksaan itu dijalankan.

(3) Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, setelah menerima laporan di bawah subkaedah (2), boleh membuat apa-apa syor kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan sebagaimana Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan fikirkan sesuai.

BAHAGIAN IX PEMBATALAN PELANTIKAN

Pembatalan pelantikan

19. (1) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan boleh membatalkan pelantikan Pesuruhjaya Sumpah melalui notis secara bertulis pada bila-bila masa bagi apa-apa pelanggaran Kaedah-Kaedah ini atau apa-apa sebab lain.

(2) Apabila seseorang Pesuruhjaya Sumpah dipertuduh atas apa-apa kesalahan jenayah atau disampaikan dengan petisyen kebangkrapan, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu secara bertulis kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan butir-butir pertuduhan atau petisyen kebangkrapan yang dibawa terhadapnya.

(3) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan boleh menggantung pelantikan Pesuruhjaya Sumpah itu sementara menunggu keputusan prosiding jenayah atau petisyen kebangkrapan itu.

(4) Pelantikan seseorang Pesuruhjaya Sumpah adalah batal secara automatik sekiranya—

- (a) dia diisytiharkan bankrap;
- (b) dia disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah;
- (c) dia ditahan di bawah mana-mana undang-undang pencegahan;
- (d) dalam hal pegawai awam atau pegawai badan berkanun, suatu tindakan tatatertib telah diambil terhadapnya, ditamatkan perkhidmatannya atau bersara wajib; atau
- (e) dalam hal bagi peguam bela dan peguam cara, dia digantung daripada beramal atau dipotong dari daftarai peguam bela dan peguam cara.

(5) Mana-mana Pesuruhjaya Sumpah yang pelantikannya dibatalkan hendaklah memulangkan surat pelantikan dan cop meterai kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

(6) Mana-mana Pesuruhjaya Sumpah yang telah dibatalkan pelantikannya tidak boleh dilantik semula sebagai Pesuruhjaya Sumpah.

BAHAGIAN X PENALTI, DSB.

Penalti

20. Mana-mana Pesuruhjaya Sumpah yang tidak mematuhi kaedah 9, 10, 11, 12, 14, 15, 16 dan 17 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kecualian

21. (1) Walau apa pun peruntukan Kaedah-Kaedah ini, dalam hal seseorang—

(a) pegawai awam yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah sebelum berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini, boleh, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, terus menjalankan fungsinya sebagai Pesuruhjaya Sumpah sehingga 30 Jun 2018 melainkan jika tempoh pelantikan semasanya tamat lebih awal; atau

(b) peguam cara dan peguam bela, pegawai badan berkanun atau mana-mana orang lain yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah sebelum berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini boleh, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, terus menjalankan fungsinya sebagai Pesuruhjaya Sumpah sehingga 31 Disember 2018 melainkan jika tempoh pelantikan semasanya tamat lebih awal.

(2) Apa-apa dokumen, ikrar, akuan, akuterimaan, affidavit, surat ikatan atau surat cara lain yang telah dimeterai oleh mana-mana Pesuruhjaya Sumpah sebelum berkuat kuasanya Kaedah-Kaedah ini adalah sah dan berkesan seolah-olah ia dimeterai di bawah Kaedah-Kaedah ini dan hendaklah disifatkan telah dimeterai di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Pembatalan

22. Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 [*P.U. (A) 71/1993*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

FI BAGI PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA

Fi

1. (1) Fi yang kena dibayar oleh seseorang yang dilantik atau dilantik semula sebagai seorang Pesuruhjaya Sumpah adalah seperti yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kategori</i>	<i>Kadar Fi (RM)</i>
1.	Peguam bela dan peguam cara	500.00 setahun
2.	Pegawai badan berkanun dan mana-mana orang lain	300.00 setahun
3.	Pegawai awam	Tiada

(2) Pengiraan fi yang kena dibayar oleh seseorang Pesuruhjaya Sumpah yang tempoh pelantikannya atau pelantikan semulanya kurang daripada satu tahun adalah seperti yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kategori</i>	<i>Kadar Fi (RM)</i>
1.	Peguam bela dan peguam cara	42.00 sebulan atau sebahagian daripada sebulan
2.	Pegawai badan berkanun dan mana-mana orang lain	25.00 sebulan atau sebahagian daripada sebulan
3.	Pegawai awam	Tiada

JADUAL KEDUA
FI YANG DILEVIKAN

Fi yang dilevikan

1. (1) Fi yang dilevikan oleh seseorang Pesuruhjaya Sumpah adalah seperti yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Jenis dokumen</i>	<i>Kadar fi (RM)</i>
1.	Afidavit asal	10.00 bagi setiap deponen
2.	Ekshibit yang disebut di dalam afidavit asal	5.00 bagi setiap ekshibit
3.	Pendua atau salinan afidavit	5.00 bagi setiap deponen
4.	Pendua atau salinan ekshibit	2.00 bagi setiap ekshibit
5.	Dokumen, ikrar, akuterimaan, surat ikatan atau surat cara lain	10.00 bagi setiap dokumen
6.	Pendua atau salinan dokumen termasuk ikrar, akuterimaan, surat ikatan atau surat cara lain	5.00 bagi setiap dokumen

(2) Mana-mana afidavit yang ditetapkan oleh undang-undang bagi dikecualikan daripada pembayaran duti setem hendaklah dikecualikan daripada apa-apa fi apabila afidavit itu diambil oleh seseorang Pesuruhjaya Sumpah yang merupakan seorang pegawai awam.

(3) Fi yang dilevikan di bawah subperenggan (1)—

- (a) apabila dikenakan oleh pegawai awam dan pegawai badan berkanun semasa menjalankan fungsi sebagai Pesuruhjaya Sumpah hendaklah dikutip melalui *praeci*pe dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan; atau
- (b) apabila dikenakan oleh peguam bela dan peguam cara dan mana-mana orang lain semasa menjalankan fungsi sebagai Pesuruhjaya Sumpah bolehlah disimpan olehnya.

JADUAL KETIGA

BORANG 1

[subkaedah 4(1)]

PERMOHONAN BAGI PELANTIKAN SEBAGAI PESURUHJAYA SUMPAAH (Peguam bela dan Peguam cara)

Kepada
Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Saya, dengan ini memohon

(Nama sebagaimana dalam kad pengenalan)

untuk dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah mengikut Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 [P.U. (A) 67/2018].

2. Bersama-sama ini saya mengemukakan yang berikut:

- (a) gambar berukuran pasport (3 keping);

- (b) sesalinan kad pengenalan (kedua-dua belah);
- (c) sesalinan Sijil Pelajaran Malaysia atau sijil setara dengannya;
- (d) perakuan berkelakuan baik daripada—
 - (i) Presiden *Bar* Malaysia/Presiden Pertubuhan Undang-Undang Sabah/Presiden Persatuan Peguam Bela Sarawak; dan
 - (ii) seorang peguam bela dan peguam cara yang telah beramal secara aktif sekurang-nya-kurang 10 tahun;
- (e) sesalinan carian kebangkrapan terkini;
- (f) sesalinan Sijil Kemasukan sebagai Peguam bela dan Peguam cara; dan
- (g) sesalinan Sijil Amalan bagi tahun semasa.

3. Butir-butir pemohon:

- (a) Nama :.....
(*Nama sebagaimana dalam kad pengenalan dan dalam huruf besar*)
- (b) No. Kad Pengenalan :.....
- (c) Tarikh Lahir :.....
- (d) Tempat Lahir :.....
- (e) Jantina :.....
- (f) Warganegara :.....

(g) Alamat (Rumah):.....

.....

(h) No. Telefon (Rumah):.....

(i) No. Telefon (Pejabat):.....

(j) No. Telefon (Bimbit):.....

(k) E-mel:.....

(l) Alamat tempat perkhidmatan/tempat perkhidmatan yang dicadangkan:

.....

.....

(m) Waktu perkhidmatan dicadangkan:.....

(n) Kelayakan Akademik:.....

(o) Tarikh diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara :.....

(p) No. Sijil Amalan:.....

(q) Tempoh beramal sebagai peguam bela dan peguam cara:.....

(r) Alasan permohonan: *(sila gunakan lampiran berasingan jika perlu):*

.....

.....

.....

.....

.....

AKUAN BERKANUN PEMOHON

Saya,..... No. K.P.....
beralamat di
.....
dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa—

- (a) maklumat dan butir-butir yang terkandung dalam permohonan ini adalah benar;
- (b) saya telah membaca dan memahami peruntukan Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018;
- (c) saya tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau tidak pernah ditahan di bawah undang-undang pencegahan atau tidak pernah diisytiharkan sebagai bankrap;
- (d) saya pernah dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah sebelum ini dan pelantikan tersebut tidak pernah dibatalkan; (*sekiranya berkaitan*)
- (e) tiada tindakan tatatertib yang telah diambil atau tertangguh ke atas saya; dan
- (f) saya sihat dari segi fizikal dan mental.

DAN saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 783*].

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh
yang tersebut namanya di atas.....
di.....
di dalam Negeri
pada, 20.....



Di hadapan saya,

.....
*(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen/Majistret/
Pesuruhjaya Sumpah/Notari Awam*)*

** Potong yang tidak berkenaan*

BORANG 2
[subkaedah 4(1)]

**PERMOHONAN BAGI PELANTIKAN SEBAGAI PESURUHJAYA SUMPAH
(Pegawai Awam)**

Kepada
Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Saya, dengan ini memohon
(Nama sebagaimana dalam kad pengenalan)

untuk dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah mengikut Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 [P.U. (A) 67/2018].

2. Bersama-sama ini saya mengemukakan yang berikut:

(a) gambar berukuran pasport (3 keping);

(b) sesalinan kad pengenalan (kedua-dua belah);

(c) sesalinan Sijil Pelajaran Malaysia atau sijil setara dengannya;

(d) perakuan kelakuan baik daripada:

(i) ketua jabatan; dan

(ii) seorang pegawai kanan lain yang telah disahkan jawatannya;

(e) sesalinan carian kebangkrapan terkini; dan

(f) sesalinan surat pengesahan pelantikan jawatan.

3. Butir-butir pemohon:

(a) Nama:.....

(Nama sebagaimana dalam kad pengenalan dan huruf besar)

(b) No. Kad Pengenalan:.....

(c) Tarikh Lahir:.....

(d) Tempat Lahir:.....

(e) Jantina:.....

(f) Warganegara:.....

(g) Alamat (Rumah):.....

.....

(h) No. Telefon (Rumah):.....

(i) No. Telefon (Pejabat):.....

(j) No. Telefon (Bimbit):.....

(k) E-mel:.....

(l) Alamat tempat perkhidmatan/tempat perkhidmatan yang dicadangkan:
.....
.....

(m) Waktu perkhidmatan dicadangkan:.....

(n) Kelayakan akademik:.....

(o) Nama majikan:.....

(p) Jawatan sekarang:.....

(q) Tarikh lantikan dalam jawatan:.....

(r) Tarikh disahkan dalam jawatan:.....

(s) Alasan permohonan: *(sila gunakan lampiran berasingan jika perlu)*:
.....
.....
.....
.....
.....

AKUAN BERKANUN PEMOHON

Saya, No. K.P.....
beralamat di
.....
dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa –

- (a) maklumat dan butir-butir yang terkandung dalam permohonan ini adalah benar;
- (b) saya telah membaca dan memahami peruntukan Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018;
- (c) saya tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau tidak pernah ditahan di bawah undang-undang pencegahan atau tidak pernah diisytiharkan sebagai bankrap;
- (d) saya pernah dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah sebelum ini dan pelantikan tersebut tidak pernah dibatalkan; (*jika berkenaan*)
- (e) tiada tindakan tatatertib yang telah diambil atau tertangguh ke atas saya; dan
- (f) saya sihat dari segi fizikal dan mental.

DAN saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 783*].

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh
yang tersebut namanya di atas.....
di.....
di dalam Negeri
pada, 20.....

Di hadapan saya,

.....
*(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen/Majistret/
Pesuruhjaya Sumpah/Notari Awam*)*

** Potong yang tidak berkenaan*

BORANG 3
[subkaedah 4(1)]

**PERMOHONAN BAGI PELANTIKAN SEBAGAI PESURUHJAYA SUMPAAH
(Pegawai Badan Berkanun)**

Kepada
Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Saya, dengan ini memohon
(Nama sebagaimana dalam kad pengenalan)

untuk dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah mengikut Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya
Sumpah 2018 [P.U. (A) 67/2018].

2. Bersama-sama ini saya mengemukakan yang berikut:

- (a) gambar berukuran pasport (3 keping);
- (b) sesalinan kad pengenalan (kedua-dua belah);
- (c) sesalinan Sijil Pelajaran Malaysia atau sijil setara dengannya;
- (d) dua perakuan kelakuan baik daripada pegawai Kumpulan A;
- (e) sesalinan carian kebangkrapan terkini; dan
- (f) sesalinan surat pengesahan pelantikan jawatan.

3. Butir-butir pemohon:

- (a) Nama:.....
(Nama sebagaimana dalam kad pengenalan dan huruf besar)
- (b) No. Kad Pengenalan:.....
- (c) Tarikh Lahir:.....
- (d) Tempat Lahir:.....
- (e) Jantina:.....
- (f) Warganegara:.....
- (g) Alamat (Rumah) :.....
.....

(h) No. Telefon (Rumah):.....

(i) No. Telefon (Pejabat):.....

(j) No. Telefon (Bimbit):.....

(k) E-mel:.....

(l) Alamat tempat perkhidmatan/tempat perkhidmatan yang dicadangkan:
.....
.....

(m) Waktu perkhidmatan dicadangkan:.....

(n) Kelayakan akademik:.....

(o) Nama majikan:.....

(p) Jawatan sekarang:

(q) Tarikh lantikan dalam jawatan:.....

(r) Tarikh disahkan dalam jawatan:.....

(s) Alasan permohonan: *(sila gunakan lampiran berasingan jika perlu)*:
.....
.....
.....
.....
.....

AKUAN BERKANUN PEMOHON

Saya,..... No. K.P.....
beralamat di
.....
dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa –

- (a) maklumat dan butir-butir yang terkandung dalam permohonan ini adalah benar;
- (b) saya telah membaca dan memahami peruntukan Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018;
- (c) saya tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau tidak pernah ditahan di bawah undang-undang pencegahan atau tidak pernah diisytiharkan sebagai bankrap;
- (d) saya pernah dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah sebelum ini dan pelantikan tersebut tidak pernah dibatalkan (*jika berkenaan*);
- (e) tiada tindakan tatatertib yang telah diambil atau tertangguh ke atas saya; dan
- (f) saya sihat dari segi fizikal dan mental.

DAN saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 783*].

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh
yang tersebut namanya di atas.....
di.....
di dalam Negeri
pada, 20.....

Di hadapan saya,

.....
*(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen/Majistret/
Pesuruhjaya Sumpah/Notari Awam*)*

** Potong yang tidak berkenaan*

BORANG 4
[subkaedah 4(1)]

**PERMOHONAN BAGI PELANTIKAN SEBAGAI PESURUHJAYA SUMPAAH
(Mana-Mana Orang Lain)**

Kepada
Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Saya, dengan ini memohon
(Nama sebagaimana dalam kad pengenalan)

untuk dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah mengikut Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya
Sumpah 2018 [P.U. (A) 67/2018].

2. Bersama-sama ini saya mengemukakan yang berikut:

- (a) gambar berukuran pasport (3 keping);
- (b) sesalinan kad pengenalan (kedua-dua belah);
- (c) sesalinan Sijil Pelajaran Malaysia atau sijil setara dengannya;
- (d) dua perakuan kelakuan baik daripada pegawai Kumpulan A;
- (e) sesalinan carian kebangkrapan terkini; dan
- (f) sesalinan surat pengesahan pelantikan jawatan (*jika berkenaan*).

3. Butir-butir pemohon:

- (a) Nama:.....
(Nama sebagaimana dalam kad pengenalan dan huruf besar)
- (b) No. Kad Pengenalan:.....
- (c) Tarikh Lahir:.....
- (d) Tempat Lahir:.....
- (e) Jantina :.....
- (f) Warganegara :.....
- (g) Alamat (Rumah) :.....
.....
- (h) No. Telefon (Rumah):.....

(i) No. Telefon (Pejabat):.....

(j) No. Telefon (Bimbit):.....

(k) E-mel:.....

(l) Alamat tempat perkhidmatan/tempat perkhidmatan yang dicadangkan:
.....
.....

(m) Waktu perkhidmatan dicadangkan:.....

(n) Kelulusan akademik:.....

(o) Pengalaman kerja yang relevan:.....

(p) Alasan permohonan: *(sila gunakan lampiran berasingan jika perlu)*:
.....
.....
.....

AKUAN BERKANUN PEMOHON

Saya, No. K.P:.....
beralamat di
.....

dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa –

(a) maklumat dan butir-butir yang terkandung dalam permohonan ini
adalah benar;

- (b) saya telah membaca dan memahami peruntukan Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018;
- (c) saya tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau tidak pernah ditahan di bawah undang-undang pencegahan atau tidak pernah diisytiharkan sebagai bankrap;
- (d) saya pernah dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah sebelum ini dan pelantikan tersebut tidak pernah dibatalkan (*jika berkenaan*);
- (e) tiada tindakan tatatertib yang telah diambil atau tertangguh ke atas saya; dan
- (f) saya sihat dari segi fizikal dan mental.

DAN saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 783*].


Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh
yang tersebut namanya di atas.....
di.....
di dalam Negeri
pada, 20.....

Di hadapan saya,

.....
(*Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen/Majistret/
Pesuruhjaya Sumpah/Notari Awam**)

** Potong yang tidak berkenaan*

BORANG 5
[Subkaedah 5(2)]



**SURAT CARA PELANTIKAN PESURUHJAYA SUMPAAH
(Peguam Bela Dan Peguam Cara/Pegawai Awam/
Pegawai Badan Berkanun/Mana-Mana Orang Lain*)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91], Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dengan ini melantik.....
sebagai Pesuruhjaya Sumpah.

Pelantikan ini mulai berkuat kuasa pada..... dan melainkan jika terlebih dahulu dibatalkan, pelantikan ini hendaklah berkuat kuasa sehingga

Pelantikan ini dibuat tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 [P.U. (A) 67/2018] dan terhad kepada kuasa yang diperuntukkan dalam kaedah 9 atau kaedah 10 Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018.

Nombor Pengenalan diri Pesuruhjaya Sumpah ini ialah:.....

Alamat perkhidmatan:.....
.....

Waktu operasi:.....

Tarikh:

KETUA HAKIM NEGARA MAHKAMAH PERSEKUTUAN

* Potong yang tidak berkenaan.

BORANG 6
[Subkaedah 6(1)]

PERMOHONAN BAGI PELANTIKAN SEMULA SEBAGAI PESURUHJAYA SUMPAAH

Kepada
Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Saya,dengan ini

(Nama sebagaimana dalam kad pengenalan)

memohon bagi pelantikan semula sebagai Pesuruhjaya Sumpah mengikut Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 [P.U. (A) 67/2018].

2. Bersama-sama ini saya mengemukakan yang berikut:

- (a) Kiriman Wang/Cek berpaling kepada 'Akauntan Negara Malaysia' berjumlah lima ratus ringgit bagi peguam bela dan peguam cara atau tiga ratus ringgit bagi pegawai badan berkanun atau mana-mana orang lain; dan
- (b) Butir-butir seperti yang berikut (untuk diisi oleh pemohon).

Nama:.....
(Nama sebagaimana dalam kad pengenalan dan huruf besar)

No. Kad Pengenalan:.....

Tarikh Lahir:.....

No. Pengenalan diri Pesuruhjaya Sumpah:.....

Tarikh pelantikan pertama:.....

Tarikh pelantikan semasa:.....

Umur pada tarikh tamat pelantikan semasa:.....

Warganegara:.....

Alamat (Rumah):.....

.....

No. Telefon (Rumah):.....

No. Telefon (Pejabat):.....

No. Telefon (Bimbit):.....

E-mel:.....

Alamat tempat perkhidmatan sekarang:.....

.....

AKUAN BERKANUN PEMOHON

Saya,..... No. K.P.:.....
beralamat di
.....

dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa—

- (a) Saya telah, sepanjang tempoh pelantikan saya sebagai Pesuruhjaya Sumpah, melaksanakan fungsi menurut Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 dan batasan yang dikenakan ke atas pelantikan saya;
- (b) Sejak daripada pelantikan, saya tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau tidak pernah ditahan di bawah undang-undang pencegahan atau tidak pernah diisytiharkan bankrap; dan

(c) Pelantikan saya sebelum ini sebagai Pesuruhjaya Sumpah tidak pernah dibatalkan.

DAN saya membuatakuan ini dengan kepercayaan bahawaakuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 783*].

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh
yang tersebut namanya di atas.....
di.....
di dalam Negeri
pada20.....


Di hadapan saya,

.....
(*Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen/Majistret/
Pesuruhjaya Sumpah/Notari Awam**)

** Potong yang tidak berkenaan*

BORANG 7
[Subkaedah 11(1)]


TANDA PENGENALAN DIRI



**Huruf putih berlatar belakang hitam*

BORANG 8
[Subkaedah 11(3)]

JURAT




Nota:

- (a) Jurat ini hendaklah diletakkan selepas kandungan dokumen. Dokumen boleh dibaca dan diterangkan oleh sesiapa sahaja kepada deponen di hadapan Pesuruhjaya Sumpah.
- (b) Jurat ini hendaklah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah.
- (c) Jurat ini boleh juga ditaip atau ditulis tangan pada dokumen.

BORANG 9

[Subkaedah 11(3)]

COP METERAI KECIL



BORANG 10

[perenggan 12(1)(a)]

COP METERAI PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA



ALAMAT PESURUHJAYA SUMPAAH PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA

.....


.....

.....

BORANG 11

[perenggan 12(1)(b)]


COP METERAI PEGAWAI AWAM DAN PEGAWAI BADAN BERKANUN



BORANG 12

[perenggan 12(1)(c)]

COP METERAI MANA-MANA ORANG LAIN



ALAMAT PESURUHJAYA SUMPAAH

.....

.....

.....

BORANG 13
[Subkaedah 14(2)]

BUKU DAFTAR

<i>Bil.</i>	<i>Tarikh dan Masa</i>	<i>Nama dan No.K.P. Orang Yang Menghendaki Perkhidmatan</i>	<i>Jenis Dokumen, Afidavit, Akuan Berkanun, dsb</i>	<i>Bilangan Dokumen</i>		<i>Bilangan Ekshibit</i>		<i>Fi (RM)</i>	<i>No. Resit</i>	<i>Tandatangan Deponen Atau Pembuat Dokumen</i>
				<i>Asal</i>	<i>Salinan</i>	<i>Asal</i>	<i>Salinan</i>			

(Masukkan Bilangan Muka Surat Pada Setiap Helai Buku Daftar)


BORANG 14
[perenggan 16(c)]

PAPAN NAMA WAKTU OPERASI DAN LOKASI PESURUHJAYA SUMPAH

50 sm

40 sm

NAMA PESURUHJAYA SUMPAH:
NO. PENGENALAN DIRI PESURUHJAYA SUMPAH:
ALAMAT:
NO. TELEFON:
WAKTU OPERASI:



BORANG 15
[perenggan 16(d)]

PAPAN TANDA FI YANG DILEVIKAN

100 sm

75 sm

<i>Bil.</i>	<i>Jenis dokumen</i>	<i>Kadar fi (RM)</i>
1.	Afidavit asal	10.00 bagi setiap deponen
2.	Ekshibit yang disebut di dalam afidavit asal	5.00 bagi setiap ekshibit
3.	Pendua atau salinan afidavit	5.00 bagi setiap deponen
4.	Pendua atau salinan ekshibit	2.00 bagi setiap ekshibit
5.	Dokumen, ikrar, akuterimaan, surat ikatan atau surat cara lain	10.00 bagi setiap dokumen
6.	Pendua atau salinan dokumen, ikrar, akuterimaan, surat ikatan atau surat cara lain	5.00 bagi setiap dokumen

Apa-apa aduan mengenai pengenaan fi tambahan yang dikenakan oleh Pesuruhjaya Sumpah selain yang tertera di atas atau apa-apa salah laku Pesuruhjaya Sumpah bolehlah diadukan melalui e-mel kepada **bpjs@kehakiman.gov.my** atau **talian am 03-8880 3500** atau **talian terus 03-8880 9503**.

BORANG 16

[Subkaedah 18(2)]

**LAPORAN PEMERIKSAAN PREMIS DAN BUKU DAFTAR
PESURUHJAYA SUMPAAH**

Kepada
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pada.....
saya telah memeriksa premis dan Buku Daftar Pesuruhjaya Sumpah bernama
....., No. Pengenalan Diri Pesuruhjaya
Sumpah.....yang alamat perkhidmatannya di
.....

Semasa menjalankan pemeriksaan premis dan Buku Daftar Pesuruhjaya Sumpah, saya telah memerhatikan dia menjalankan fungsinya, dan saya mendapati –

- (a) dia telah mematuhi Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 [P.U. (A) 67/2018]; atau
- (b) dia tidak mematuhi peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018—
 - (i)
 - (ii)

Catatan: Laporan ini boleh termasuk penerangan tambahan dan gambar (jika perlu).

Tarikh
.....
(Tandatangan dan nama pegawai kehakiman)

Dibuat 27 Februari 2018
[PKPMP.BD/100-1/4/5; PN(PU2)153/XVII]

TUN RAUS SHARIF
*Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan*

COURTS OF JUDICATURE ACT 1964
COMMISSIONERS FOR OATHS RULES 2018

ARRANGEMENT OF RULES

PART I
PRELIMINARY

Rule

1. Citation and commencement

PART II
QUALIFICATIONS

2. Qualification
3. Qualified person

PART III
APPLICATION, APPOINTMENT, ETC.

4. Application for appointment as Commissioner for Oaths
5. Appointment of Commissioner for Oaths
6. Reappointment of Commissioner for Oaths
7. Period of appointment and reappointment of Commissioner for Oaths
8. Fees for appointment and reappointment as Commissioner for Oaths

PART IV
POWERS

Rule

9. Advocates and solicitors
10. Public officer, etc.

PART V
CONDUCT AND FUNCTIONS

11. Conduct and functions of a Commissioner for Oaths

PART VI
SEAL AND IDENTIFICATION NUMBER

12. Seal and identification number
13. Proof of oath

PART VII
MISCELLANEOUS

14. Register
15. Address of service
16. Instrument of appointment, etc. to be displayed
17. Fees to be levied

PART VIII
